

Title : Bincangkan Kepentingan Dan Kelemahan Sustainable  
Development Goal 2 (SDG 2) Dalam Konteks Ekonomi Politik.

Author(s) : Shaily Yasmin Binti Abdullah

Institution : The National University of Malaysia (UKM)

Category : Article, Competition

Topics : Politics

<b>Nama</b>	Shaily Yasmin Binti Abdullah
<b>Umur</b>	22 Tahun
<b>Pengajian</b>	Ijazah Sarjanamuda Sains Sosial Dengan Kepujian (Sains Politik)
<b>Universiti</b>	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
<b>Tahun Pengajian</b>	Tahun 3
<b>Tajuk Penulisan</b>	Bincangkan Kepentingan Dan Kelemahan Sustainable Development Goal 2 (SDG 2) Dalam Konteks Ekonomi Politik.

## 1.1 PENGENALAN

Pengkaji telah memilih tajuk kepentingan dan kelemahan Sustainable Development Goal (SDG) yang kedua iaitu kebuluran sifar atau *zero hunger* untuk dibincangkan dalam konteks ekonomi politik menerusi penulisan esei ini. Pengkaji telah membahagikan kepada tiga bahagian iaitu bahagian pengenalan, bahagian isi dan bahagian penutup. Pada bahagian permulaan esei, pengkaji akan menghuraikan berkenaan dengan definisi Matlamat Pembangunan Mapan atau lebih dikenali sebagai Sustainable Development Goals (SDGs). Selain itu, pengkaji juga akan menjelaskan berkenaan dengan definisi dan konsep SDG 2 iaitu kebuluran sifar. Pada bahagian isi, pengkaji akan memfokuskan kepada kepentingan, kelemahan dan kajian kes negara yang boleh dikaitkan dengan isu kebuluran. Bagi bahagian penutup, pengkaji akan membincangkan langkah-langkah yang telah dan perlu diambil oleh pelbagai pihak bagi merealisasikan matlamat SDG 2 iaitu kebuluran sifar.

## 2.1 MATLAMAT PEMBANGUNAN MAPAN ATAU SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS (SDGs)

Matlamat Pembangunan Mapan atau lebih dikenali sebagai Sustainable Development Goals (SDGs) merupakan hasil rundingan oleh semua wakil negara-negara dunia pada September 2015. SDGs telah diilhamkan ketika Persidangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengenai pembangunan lestari di Rio de Janeiro pada tahun 2012 (United Nations Development Programme (UNDP) 2021). SDG 2030 telah mencerminkan visi masa depan yang bercita-cita tinggi dengan penekanan bahawa tiada sesiapa yang ditinggalkan (*no one left behind*). Ia merupakan agenda transformatif yang memerlukan perubahan pada setiap peringkat untuk merealisasikan matlamat ini (Feiring et al. 2017:1).

17 buah matlamat yang terkandung dalam SDG adalah merangkumi pelbagai dimensi seperti alam sekitar, ekonomi dan sosial untuk tujuan pembangunan lestari (UNDP 2021). Setiap matlamat SDG perlulah dicapai oleh semua negara anggota (PBB) menjelang tahun 2030. Kerangka SDG ini adalah diasaskan oleh Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat dan perjanjian-perjanjian hak asasi manusia yang lain. SDGs

juga merupakan kesinambungan bagi kerangka Matlamat Pembangunan Millennium (Millennium Development Goals - MDGs) yang diperkenalkan oleh PBB pada tahun 2000 (Institut Alam Sekitar dan Pembangunan 2016). Sama seperti SDGs, MDGs juga telah meletakkan beberapa buah sasaran yang perlu dicapai oleh negara-negara dunia dalam tempoh masa 15 tahun iaitu menjelang tahun 2015. Kerangka pembangunan lestari pada tahun 2000 ini telah dilihat membuahkan kejayaan seperti kejayaan dalam mengurangkan kadar kemiskinan tegar yang mana hampir 1 juta penduduk dunia dikeluarkan daripada kehidupan miskin sejak tahun 1990 dan mengurangkan kadar kebolehjangkitan penyakit Human Immunodeficiency Virus (HIV) atau Acquired Immunodeficiency Syndrome (AIDS) sebanyak 40 peratus sejak tahun 2000 (UNDP 2021). Oleh hal yang demikian, SDGs merupakan kesinambungan bagi kerangka pembangunan lestari yang perlu diteruskan bagi menghadapi cabaran-cabaran dunia untuk tempoh masa 15 tahun iaitu sehingga tahun 2030.

Bermula 1 Januari 2016, negara-negara dunia telah mengadaptasi agenda SDG 2030 yang menggariskan sebanyak 17 matlamat, 169 sasaran dan 244 indikator yang ingin dicapai menjelang tahun 2030 (Portal Rasmi Unit Perancang Ekonomi Malaysia 2021). Antara 17 matlamat SDGs ialah seperti tiada kemiskinan (*no poverty*), kesihatan yang baik dan sejahtera (*good health and well-being*) dan kesaksamaan jantina (*gender equality*). SDG 1 iaitu tiada kemiskinan telah meletakkan beberapa sasaran di bawahnya, antaranya adalah membasmi kemiskinan tegar pada tahun 2030, di mana sara hidup seharian adalah kurang dari 1.25 Dollar (anggaran RM5.50) sehari (Urbanice Malaysia 2020:5).

### **3.1 SDG 2 - KEBULURAN SIFAR ATAU *ZERO HUNGER***

Menerusi penulisan ini, pengkaji akan lebih memfokuskan kepada SDG 2 iaitu kebuluran sifar (*zero hunger*). Kelaparan merupakan salah satu simptom kemiskinan yang boleh menyebabkan terdedah kepada ketiadaan sekuriti makanan, menjejaskan tahap kesihatan seseorang dan seterusnya boleh membawa kepada kematian (Norzuraida 2012:80). SDG 2 adalah bertujuan untuk menghentikan masalah kelaparan, mencapai sasaran jaminan makanan dan pemakanan yang lebih baik serta menggalakkan pertanian lestari (Urbanice Malaysia 2020:7). Istilah *Zero hunger* atau

kebuluran dalam konteks penulisan ini bukan merujuk kepada keadaan seseorang itu menahan lapar ekoran ketiadaan makanan, tetapi ia lebih dikaitkan dengan seseorang manusia yang kekurangan nutrisi makanan atau zat makanan yang seimbang dan jaminan makanan (*food security*). Setiap manusia mempunyai hak untuk mendapatkan jaminan makanan dalam kehidupannya.

Jaminan makanan atau *food security* didefinisikan sebagai satu situasi yang mana semua penduduk, sepanjang masa, memiliki akses ekonomi dan fizikal ke atas makanan yang cukup, selamat dan berkhasiat yang memenuhi keperluan dan citarasa pemakanan untuk hidup aktif dan sihat (Mohd Aris & Noorfazreen 2012:2; Fatimah et al. 2010:1). Ketidadaan keselamatan makanan boleh menyebabkan berlakunya kelaparan dan keperluan makanan yang tidak mencukupi kepada tubuh badan dan seterusnya menjejaskan hubungan sosial dan kualiti hidup (Eme et al. 2020:2). Pertubuhan Makanan dan Pertanian Pertubuhan Makanan dan Pertanian Bangsa-Bangsa Bersatu (FAO) telah menetapkan empat indikator yang perlu dikenal pasti bagi mengukur jaminan bekalan sesebuah negara iaitu kesediaan bekalan makanan, kemampuan harga membeli, kemudahan akses pasaran dan bekalan makanan yang bernutrisi (Noorlidawati & Rozita 2015:2). Di Malaysia, pihak kerajaan sangat memandang serius terhadap ketersediaan bekalan makanan. Oleh hal yang demikian, Kerajaan Malaysia telah mengambil inisiatif dengan menggubal polisi-polisi yang berkaitan dengan sekuriti makanan. Antara polisi yang digubal ialah seperti Dasar Pertanian Negara (I hingga III) dan Dasar Jaminan Makanan (Fatimah et al. 2010:1).

Walaupun dunia sudahpun menjurus ke arah Revolusi Industri Keempat, akan tetapi isu kebuluran dunia tetap menjadi sebuah isu yang tidak dapat ditangani secara holistik. Oleh hal yang demikian, masalah kebuluran ini menjadi salah satu isu global yang perlu diambil perhatian oleh setiap peringkat baik peringkat antarabangsa mahupun di peringkat nasional. FAO melaporkan sebanyak 815 juta penduduk dunia mengalami masalah kebuluran dan kekurangan zat pada tahun 2016. Angka ini telah menunjukkan peningkatan berbanding tahun 2015 yang hanya berjumlah 777 juta orang (Farahi 2018). Pada tahun 2019, PBB melaporkan bahawa hampir 750 juta penduduk dunia adalah terdedah dengan isu jaminan makanan (United Nations t.th.).

Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) melaporkan lebih 820 juta penduduk dunia yang mengalami kekurangan zat makanan akan menyukarkan lagi cabaran untuk mencapai sasaran kelaparan sifar pada tahun 2030 (Siti Fatimah 2020). Berlakunya masalah kebuluran dan kekurangan zat makanan di dunia adalah disebabkan beberapa faktor luar jangkaan yang menyumbang seperti keadaan cuaca dan situasi politik semasa di sesebuah negara. Pada tahun 2019, keadaan ini bertambah buruk ekoran daripada pandemik Covid-19 yang melanda dunia.

#### **4.1 KEPENTINGAN SDG 2 - KEBULURAN SIFAR ATAU *ZERO HUNGER***

Menerusi bahagian esei ini, pengkaji akan menjelaskan mengapa pentingnya untuk masyarakat dunia berganding bahu untuk membasmi masalah kebuluran dunia kepada angka sifar. Seperti yang kita sedia maklum bahawa makanan merupakan keperluan asas manusia. Tanpa makanan, manusia tidak akan dapat melakukan aktiviti dalam kehidupan harian mereka. Tubuh badan manusia sangat memerlukan makanan untuk membekalkan tenaga dan nutrien. Pengambilan makanan yang seimbang adalah penting untuk seseorang mencapai taraf kesihatan yang baik (Anon 2012b:1). Seorang kanak-kanak memerlukan amalan pemakanan yang seimbang untuk tujuan tumbesaran. Pemakanan yang seimbang adalah terdiri daripada pelbagai kumpulan zat makanan seperti protein, karbohidrat, lemak, vitamin dan mineral. Namun begitu, makanan juga berpotensi untuk memudaratkan kesihatan seseorang sekiranya peraturan makanan tidak dipatuhi dan diambil dalam kadar yang berlebihan. Bagi kanak-kanak yang tidak mendapatkan zat makanan yang cukup, mereka akan berisiko untuk menghadapi malnutrisi (Tim 2019). Oleh hal yang demikian, adalah penting untuk pembasmian kebuluran bagi memastikan manusia sama ada yang kaya ataupun yang miskin mendapatkan bekalan makanan yang selamat dan secukupnya untuk kelangsungan hidup mereka.

Selain itu, pembasmian masalah kebuluran dunia juga secara tidak langsung dapat mengurangkan kadar jenayah. Kebanyakan daripada mereka yang terlibat dalam jenayah seperti mencuri adalah bertujuan untuk memastikan kelangsungan hidup. Sebagai contoh, seseorang individu yang terlibat dengan jenayah pencurian makanan

adalah kerana mereka tidak dapat menahan rasa kelaparan. Di Itali, berlakunya sebuah peristiwa pencurian makanan oleh seseorang gelandangan. Gelandangan tersebut telah mencuri sosej dan keju ekoran daripada kelaparan dan tidak mempunyai wang untuk membayarnya. Keadaan ini jelas membuktikan bahawa di sebuah bandar maju juga masih terdapat golongan yang tercicir (Kirchgaessner 2016). Namun begitu, Mahkamah Agung Rayuan Itali telah memutuskan bahawa perbuatan tersebut tidak akan dikenakan hukuman. Hal ini kerana perbuatan tersebut adalah semata-mata untuk mengalas perut lapar. Selain itu, kes pencurian makanan ini juga sering kali berlaku di Malaysia dengan alasan yang sama iaitu tidak mempunyai wang dan mengalami kelaparan (Anon 2012a). Oleh itu, pihak berkuasa sama ada di peringkat persekutuan, negeri atau tempatan perlulah memandang isu kebuluran ini secara holistik bagi memastikan tiada golongan yang tercicir.

Matlamat SDG 2 juga berpotensi untuk menengahkan sektor pertanian selaras dengan aspirasi SDG 2. Pada tahun 1970-an dan awal 1980-an, sektor pertanian memainkan peranan penting yang mana sektor ini telah mewujudkan peluang pekerjaan. Namun begitu, peredaran masa telah mengubah kepentingan sektor pertanian. Sejurus dengan Revolusi Industri Keempat, masyarakat dunia lebih banyak bergantung kepada sektor perindustrian. Walau bagaimanapun, kepentingan sektor pertanian tidak boleh diperkecilkan walaupun sektor perkilangan dilihat sebagai pemangkin utama pembangunan ekonomi dan negara (Mohamad Ridzuan 2000). Dalam usaha untuk merealisasikan matlamat SDG 2, dunia telah dikenalkan dengan konsep pertanian lestari (*sustainable agriculture*).

Pertanian lestari ialah sejenis pertanian mapan yang menjadi agenda utama semua pihak untuk membekalkan sumber makanan asasi di samping mengekalkan kelestarian alam sekitar. Ia adalah satu revolusi pertanian ke arah makanan yang berkualiti dan mencukup bagi menjamin keselamatan makanan dunia (Zakirah et al. 2013:791). Seperti yang kita sedia maklum bahawa pertanian sedia ada menggunakan racun yang berleluasa tanpa kawalan sehingga menyebabkan populasi serangga meningkat. Pemiakan serangga perosak ini akan memusnahkan serangga yang berguna selain merosakkan tanaman. Dengan wujudnya sistem pengurusan pertanian lestari ini, para pengusaha ladang boleh meminimumkan penggunaan racun dan baja kimia yang

berpotensi untuk merosakkan tanaman dan seterusnya mengelakkan berlakunya pembaziran. Sisa racun dan bahan kimia yang melebihi aras minimum kesan baki (*Minimal Residual Limit* (MRL)) pada hasil pertanian akan disekat daripada memasuki pasaran negara. Hal ini akan menyebabkan pembaziran kepada input pertanian yang telah dilaburkan sekiranya hasil pertanian tersebut tidak terjual (Jabatan Alam Sekitar Malaysia 2012:9). Antara contoh pertanian lestari ialah pertanian organik dan Sistem Intensifikasi Padi (SRI). Terdapat kajian yang membuktikan kejayaan pertanian lestari yang mana Sistem Intensifikasi Padi telah berjaya meningkatkan hasil pengeluaran padi sehingga dua kali ganda (Zakirah et al. 2013:791).

Walaupun pada hakikatnya, pertanian lestari memerlukan kos yang agak tinggi ekoran daripada penggunaan teknologi yang canggih. Akan tetapi, ia memberi kesan positif kepada kualiti tanah dan air serta memberi manfaat untuk satu tempoh masa yang panjang. Antara negara yang giat mengamalkan pertanian lestari ialah seperti Perancis, Belanda dan Kanada. Buktinya, ketiga-tiga negara ini telah merekodkan Food Sustainability Index (FSI) yang agak tinggi iaitu masing-masing pada tahap indeks 76.1, 75.6 dan 75.3 pada tahun 2018 (Thin 2018). Jelaslah bahawa pengaplikasian kaedah pertanian lestari merupakan antara kepentingan pembasmian kebuluran dunia selaras dengan penambahan populasi penduduk dunia.

Hasrat untuk merealisasikan SDG 2 iaitu membasmi masalah kebuluran dunia kepada angka sifar juga akan membantu perkembangan pelaksanaan program bank makanan (*food bank*). Umumnya, bank makanan dapat didefinisikan sebagai gudang yang berdaftar sebagai organisasi kebajikan yang berfungsi sebagai tempat pengumpulan, penyimpanan dan pengagihan makanan yang diperolehi melalui derma atau perkongsian. Makanan-makanan tersebut akan diagihkan secara percuma kepada agensi-agensi yang menyediakan makanan kepada masyarakat yang kelaparan dan memerlukan (Norzuraida 2012:81). Secara amnya, bank makanan tidak diperuntukkan sebarang dana daripada pihak kerajaan. Hal ini demikian kerana ia adalah bergantung kepada pihak sukarela yang memberikan sumbangan derma makanan atau barang-barang keperluan asas lain. Menerusi kajian yang dilakukan oleh Adrienne C. Teron dan Valerie S. Tarasuk (1999), mereka mendapati bahawa bank makanan



memainkan peranan penting dalam perkembangan masyarakat kerana ia dapat membantu untuk membekalkan makanan yang tidak mampu mereka perolehi. Kebanyakan mereka yang menerima bantuan program bank makanan ini adalah terdiri daripada mereka yang ketiadaan sekuriti makanan dan tidak mempunyai kedudukan kewangan yang stabil (Norzuraida 2012:22). Menurut Global Food Banking Network (GFN), lebih daripada 30 buah negara telah melaksanakan program bank makanan. Antara negara-negara tersebut ialah seperti Amerika Syarikat, Kanada dan Jepun (Eme et al. 2020:5). Bahkan bank makanan juga turut dilaksanakan di kebanyakan kawasan di Afrika Selatan. Negara kita juga tidak ketinggalan dalam mengaspirasikan pelaksanaan bank makanan. Antara yang terkenal di Malaysia ialah Kechara Soup Kitchen, Pertiwi Soup Kitchen dan Dapur Jalanan Kuala Lumpur (Goh 2014). Sukarelawan-sukarelawan ini menyalurkan bantuan makanan secara percuma di kawasan-kawasan tertentu.

GFN turut melaporkan bahawa anggota-anggotanya telah menyalurkan bantuan bank makanan kepada 9.6 juta penduduk di Eropah, Afrika, Timur Tengah dan Asia Selatan pada tahun 2018. Jumlah tersebut menunjukkan peningkatan berbanding pada tahun 2017 (Spring 2020). Pengkaji juga berpendapat bahawa usaha melaksanakan program bank makanan ini sebagai serampang dua mata. Hal ini dikatakan demikian kerana selain dapat menyalurkan bantuan makanan kepada mereka yang memerlukan, ia juga dapat menjalinkan kerjasama di antara sektor kerajaan, sektor swasta dan juga sektor badan bukan kerajaan atau *Non-Governmental Organizations* (NGO) untuk sama-sama berganding bahu dalam membasmi isu kebuluran dunia.

## **5.1 KELEMAHAN SDG 2 - KEBULURAN SIFAR ATAU *ZERO HUNGER***

Bak kata pujangga Melayu, setiap usaha pasti akan ada rintangan. Begitulah juga dengan usaha untuk membasmi masalah kebuluran dunia pada hari ini. Antara cabaran atau kelemahan dalam usaha merealisasikan SDG 2 ialah krisis politik di sesebuah negara. Politik dan kuasa merupakan dua elemen yang tidak dapat dipisahkan. Menurut Thomas Hobbes, manusia secara semula jadinya bersifat tamak dan mementingkan diri sendiri. Menurut Prof. Emeritus Walter Leimgruber, beliau berpendapat bahawa faktor manusia di dunia menghadapi kekurangan makanan bukan

sahaja berpunca daripada cuaca dan alam sekitar tetapi ia juga disumbangkan dengan faktor kerakusan manusia yang tamak dan gila kuasa (Kuah 2010). Pergelutan kuasa yang berlaku telah menyebabkan rakyat menjadi mangsa peperangan politik antara pemimpin-pemimpin di negara-negara tertentu.

Sebagai contoh, peperangan yang berlaku di Yaman telah memberi kesan negatif kepada 12 juta penduduk di sana yang mana mereka berhadapan dengan masalah terputusnya bekalan makanan. Hal ini dikatakan demikian kerana negara tersebut 90 peratus adalah bergantung kepada bekalan makanan luar yang import (Waal 2018). Menurut World Food Programme (WFP), dianggarkan sebanyak 15 hingga 24.9 peratus penduduk Syria mengalami kelaparan ekoran daripada konflik penentangan rakyat terhadap pemerintahan Presiden Bashar al-Assad (Sususan 2016). Pengkaji berpandangan bahawa situasi ini agak menyedihkan kerana pertubuhan dunia seperti PBB juga tidak berupaya untuk menegakkan keadilan dan menyelesaikan masalah peperangan dan kebuluran yang berlaku ini. Hal ini dikatakan demikian kerana PBB adalah diwakili oleh kuasa besar seperti Amerika Syarikat yang turut terlibat dalam peperangan yang berlaku.

Selain itu, tahap kesedaran masyarakat terhadap isu kebuluran dunia juga agak rendah. Oleh disebabkan itu, mereka telah melakukan perbuatan seperti membazir makanan. Masalah pembaziran makanan adalah bergantung kepada sikap seseorang individu tersebut. Lazimnya, mereka yang mempunyai kedudukan kewangan yang stabil mempunyai kuasa beli yang tinggi dan ia membolehkan mereka untuk berbelanja lebih daripada apa yang diperlukan termasuklah membeli makanan dengan jumlah yang banyak. Akan tetapi, lebih-lebih makanan yang dibeli oleh mereka akhirnya ditempatkan di dalam tong sampah. Fenomena pembaziran makanan ini sering kali wujud di negara-negara maju seperti China, Australia dan Amerika Syarikat. Pada tahun 2017, Australia telah mencatat sebanyak 361 kilogram pembaziran makanan per kapita manakala Amerika Syarikat telah mencatat sebanyak 278 kilogram pembaziran makanan per kapita (Tiseo 2019). Malaysia juga merupakan antara penyumbang terbesar kepada pembaziran makanan yang mana sebanyak 16650 tan sisa makanan telah dibuang pada setiap hari (Bernama 2019). Fenomena berlakunya pembaziran makanan juga berlaku dari program bank makanan. Hal ini

demikian kerana ketiadaan penyelarasan dalam pengagihan makanan untuk badan-badan penyumbang. Secara keseluruhannya, peningkatan sisa makanan telah memberikan tekanan kepada sumber tanah, udara, air dan seterusnya telah menyumbang kepada pemanasan global. Pengkaji berpendapat bahawa sekiranya tabiat ini masih diteruskan, maka adalah agak sukar untuk kita mencapai matlamat SDG 2 iaitu membasmi kebuluran kepada angka sifar.

## **6.1 KAJIAN KES NEGARA SDG 2 - KEBULURAN SIFAR ATAU *ZERO HUNGER***

Masalah kebuluran dunia dapat kita lihat dengan lebih jelas di negara-negara benua Asia, benua Asia Selatan dan benua Afrika. Oleh hal yang demikian, pengkaji telah memfokuskan kepada beberapa negara yang terletak di benua Asia, benua Asia Selatan dan benua Afrika untuk dijadikan sebagai kajian kes dalam penulisan esei ini. Seperti yang kita sedia maklum bahawa kebanyakan negara di benua-benua tersebut agak tercicir daripada perkembangan dunia yang maju. Yaman, Bangladesh, Afrika Selatan merupakan antara negara yang dikategorikan sebagai negara tidak membangun oleh PBB (United Nations Conference of Trade and Development (UNCTAD) t.th.).

Pada tahun 2019, kawasan-kawasan Asia Selatan dan Afrika Selatan menunjukkan *Global Hunger Index* (GHI) yang agak tinggi iaitu masing-masing dengan kadar indeks 29.3 dan 28.4. Secara tidak langsung, ini telah menggambarkan tahap kebuluran yang agak serius (Global Index Hunger 2019:7). Hal ini berlaku adalah disebabkan beberapa faktor yang menjadi penyumbang. Antaranya ialah kemiskinan yang melanda penduduk di Afrika. Rakyat Afrika tidak berkemampuan untuk mendapatkan makanan yang mencukupi dan berkualiti. Rata-rata kanak-kanak di Afrika sering kali mengalami masalah kekurangan zat makanan sehingga menyebabkan tumbesaran mereka terbantut (World Hunger t.th.). Selain itu, konflik dan keganasan yang berlaku di Afrika juga menjadi punca kepada ketiadaan sekuriti makanan dan masalah kebuluran. Sebagai contoh pada tahun 2017, sebanyak 11 buah negara Afrika yang berjumlah seramai 37 juta penduduk telah terkesan daripada konflik yang berlaku. Mereka yang terkesan kebanyakannya menetap di Nigeria,

Republik Demokratik Congo, Somalia dan Sudan Selatan (World Hunger t.th.). Di samping itu, faktor cuaca juga telah mengurangkan bekalan makanan di Afrika. Contohnya, penduduk di selatan Madagascar mengalami masalah kebuluran sehingga terpaksa makan tanah liat yang dicampur asam jawa. Hal ini kerana makanan ruji iaitu buah kaktus tidak berbuah ekoran daripada faktor kemarau (Anon 2020).

Walaupun fenomena kebuluran di Asia tidak begitu kritikal sepertimana di Afrika, tetapi ia masih dikategorikan sebagai negara yang berhadapan dengan isu kebuluran kerana jumlah penduduknya yang agak ramai. Antara negara-negara Asia yang mengalami masalah kebuluran ini ialah seperti Afghanistan, Bangladesh dan India. Menurut laporan FAO pada tahun 2017, sebanyak 64 peratus kanak-kanak di Asia mengalami masalah kekurangan zat makanan. Ekoran daripada ini, dua pertiga kanak-kanak di Asia mengalami masalah kurang berat badan (World Hunger t.th.). Di Yaman, seorang kanak-kanak yang kekurangan zat makanan hanya mencapai berat badan 9 kilogram sahaja pada usia 10 tahun. Hal ini berlaku ekoran daripada kekurangan bekalan makanan yang selamat. Keadaan menjadi bertambah buruk dengan situasi peperangan yang berlaku di negara tersebut (Fazleen 2020). Penularan wabak penyakit Covid-19 telah memburukkan lagi keadaan. Keadaan ini sedikit sebanyak telah menyukarkan matlamat SDG 2 untuk dicapai. Secara keseluruhannya, GHI di sesetengah negara-negara Asia telah menunjukkan pola penurunan sehingga pada tahun 2019. Sebagai contoh, GHI dari aspek kekurangan zat makanan di Afghanistan pada tahun 2000 ialah 47.8 peratus dan 29.9 peratus pada tahun 2019. Di Pakistan, GHI dari aspek kekurangan zat makanan pada tahun 2000 ialah 21.2 peratus dan 12.3 peratus pada tahun 2019 (Global Hunger Index Organisation 2020:58-59). Jelaslah bahawa terdapat penurunan kadar GHI di negara-negara Asia. Keadaan ini merupakan satu pencapaian yang agak memberangsangkan.

## 7.1 PENUTUP

Secara umumnya, Sustainable Development Goals (SDGs) merupakan pelan jangka panjang yang mencerminkan visi masa depan dengan penekanan bahawa tiada sesiapa yang ditinggalkan (*no one left behind*). Setiap negara dunia telah partisipasi dan memberikan komitmen untuk merealisasikan matlamat SDGs menjelang pada tahun

2030. Terdapat 17 matlamat SDGs yang merangkumi aspek alam sekitar, ekonomi dan sosial untuk tujuan pembangunan lestari pada tahun 2030. SDG 2 kebuluran sifar atau *zero hunger* adalah bertujuan untuk menghentikan masalah kelaparan, mencapai sasaran jaminan makanan dan pemakanan yang lebih baik serta menggalakkan pertanian lestari. Antara usaha yang boleh dijalankan untuk mencapai matlamat SDG 2 adalah menggiatkan lagi promosi pertanian lestari. Pihak kerajaan perlulah memberikan peruntukan pinjaman modal kepada para petani atau pengusaha untuk memulakan kaedah pertanian lestari. Hal ini dikatakan demikian kerana sumber pertanian merupakan salah satu penyumbang utama kepada bekalan makanan di seluruh dunia secara berterusan. Dalam usaha untuk mencapai matlamat SDG 2, para penyelidik di Agensi Nuklear Malaysia turut menyokong pertanian lestari melalui penyelidikan dan pembangunan biobaja sejak tahun 2002 di bawah inisiatif Forum for Nuclear Cooperation in Asia (FNCA). Penggunaan biobaja boleh mengurangkan kebergantungan kepada baja kimia serta meningkatkan hasil tanaman (Laman Rasmi Agensi Nuklear Malaysia 2020). Selain itu, sambutan Hari Makanan Sedunia pada 16 Oktober pada setiap tahun juga merupakan langkah untuk kita sama-sama membasmi masalah kebuluran di dunia. Sambutan Hari Makanan Sedunia ini secara tidak langsung telah memberi kesedaran kepada masyarakat dunia terhadap isu kebuluran yang dihadapi oleh sesetengah negara dunia. Akhir sekali, pengkaji percaya bahawa setiap matlamat SDGs dapat diaspirasikan sekiranya setiap pihak memberikan komitmen sepenuhnya dan menjalankan usaha untuk mencapai sasaran yang telah ditetapkan bagi setiap matlamat SDG.

## RUJUKAN

- Anon. 2020. Ribuan kebuluran di Madagascar, terpaksa makan tanah liat. *Berita Harian Online*.  
<https://www.bharian.com.my/dunia/lain-lain/2020/12/761665/ribuan-kebuluran-di-madagascar-terpaksa-makan-tanah-liat> [20 Januari 2021].
- Anon. 2012a. Curi kuih di surau kerana terlalu lapar. *Sinar Harian Online*.  
<https://www.sinarharian.com.my/mobile/politik/curi-kuih-di-surau-kerana-terlalu-lapar-1.73663> [17 Januari 2021].
- Anon. 2012b. Setiap Manusia Memerlukan Makanan Untuk Hidup. *Scribd*.  
<https://www.scribd.com/doc/99094416/Setiap-Manusia-Memerlukan-Makanan-Untuk-Hidup> [16 Januari 2021].
- Bernama. 2019. 16,650 tan sisa makanan dibuang setiap hari. *Harian Metro Online*.  
<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2019/04/445042/16650-tan-sisa-makanan-dibuang-setiap-hari> [20 Januari 2021].
- Eme Suzila Kassim, Faridah Haji Hassan, Ismah Osman & Hanitahaiza Hairuddin. 2020. Bank Makanan: Konsep, Aplikasi, Kesan & Halatuju. Universiti Teknologi MARA Kampus Puncak Alam.  
<https://macfea.com.my/wp-content/uploads/2020/11/Laporan-Bank-Makanan-Konsep-Aplikasi-Kesan-dan-Halatuju-2020-.pdf> [19 Januari 2021].
- Farahi Kamaruddin. 2018. Jaminan Makanan (Food Security) di Malaysia. *The Patriots*.  
<https://www.thepatriots.asia/jaminan-makanan-food-security-di-malaysia/> [15 Januari 2021].
- Fatimah Mohamed Arshad, Mohd. Fauzi Jani & Mohd. Khanif Yusop. 2010. Agenda Polisi Sekuriti Makanan Malaysia. Universiti Putra Malaysia.  
<http://econ1.upm.edu.my/~fatimah/Fatimah%20sekuriti%20makanan%20MPN%20101101.pdf> [15 Januari 2021].
- Fazleen Safina. 2020. Akibat kebuluran, kanak-kanak 10 tahun hanya 9 kilogram. *Ismaweb*.  
<https://ismaweb.net/2020/07/23/akibat-kebuluran-kanak-kanak-10-tahun-hanya-9-kilogram/> [21 Januari 2021].
- Feiring, Birgitte, Nolle, Louise, Carling, Joan & Wattimena, Patricia. 2017. *Leaving No One Behind: Panduan Praktikal Untuk Orang Asal*. Thailand: Asia Indigenous People Pact (AIPP) Foundation.  
[https://iphndefenders.net/wp-content/uploads/2017/07/SDG-publication\\_BM\\_for-web.pdf](https://iphndefenders.net/wp-content/uploads/2017/07/SDG-publication_BM_for-web.pdf) [23 Disember 2020].
- Global Hunger Index Organisation. 2019. 2019 Global Hunger Index: The Challenge of Hunger And Climate Change.  
<https://www.globalhungerindex.org/pdf/en/2019.pdf> [21 Januari 2021].

- Global Hunger Index Organisation. 2020. 2020 Global Hunger Index: One Decade To Zero Hunger Linking Health And Sustainable Food Systems. <https://www.globalhungerindex.org/pdf/en/2020.pdf> [21 Januari 2021].
- Goh, Darian. 2014. What Is A Soup Kitchen? Where Are They? How Do I Get Involved? <https://says.com/my/news/what-is-a-soup-kitchen-where-are-they-how-do-i-get-involved> [19 Januari 2021]
- Institut Alam Sekitar dan Pembangunan. 2016. Salam Lestari No.36: Sustainable Development Goals. Universiti Kebangsaan Malaysia. <http://www.ukm.my/pppl/salamlestari36.pdf> [21 Disember 2020].
- Jabatan Alam Sekitar Malaysia. 2012. World Environment Day 2012 Green Economy: Does it include you ? *Era Hijau No.2*. [https://enviro2.doe.gov.my/ekmc/wp-content/uploads/2016/08/1380091159-Era\\_Hijau\\_2012\\_Keluaran\\_2.pdf](https://enviro2.doe.gov.my/ekmc/wp-content/uploads/2016/08/1380091159-Era_Hijau_2012_Keluaran_2.pdf) [18 Januari 2021].
- Kirchgaessner, Stephanie. 2016. Theft of sausage and cheese by hungry homeless man 'not a crime'. *The Guardian*. <https://www.theguardian.com/world/2016/may/03/theft-sausage-cheese-hungry-homeless-man-not-crime-italy> [17 Januari 2021].
- Kuah, Guan Oo. 2010. Tamak dan Gila Kuasa Punca Kebuluran Global, kata Prof Swiss. *Pusat Komunikasi Korporat UKM*. <https://www.ukm.my/news/arkib-berita/tahun-2010/disember-2010/tamak-dan-gila-kuasa-punca-kebuluran-global-kata-prof-swiss/> [20 Januari 2021].
- Laman Rasmi Agensi Nuklear Malaysia. 2020. Teknologi Nuklear Dalam Pertanian Ke Arah Pembangunan Lestari. i-Nuklear (1). [https://www.nuclearmalaysia.gov.my/publication/i-nuklear/inuklear\\_1\\_2020.pdf](https://www.nuclearmalaysia.gov.my/publication/i-nuklear/inuklear_1_2020.pdf) [30 Januari 2021].
- Mohamad Ridzuan Ismail. 2000. Belia dan Pertanian: Kajian Kes di Daerah Kerian Perak. Tesis Sarjana, Universiti Malaya. <http://studentsrepo.um.edu.my/1563/> [20 Januari 2021].
- Noorfazreen Mohd Aris. 2012. Dasar Sekuriti Makanan Di Malaysia Dari Tahun 1984-2008: Kajian Dari Perspektif Ekonomi Islam. Disertasi Sarjana, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Universiti Malaya. [http://studentsrepo.um.edu.my/5375/3/HALAMAN\\_HADAPAN.pdf](http://studentsrepo.um.edu.my/5375/3/HALAMAN_HADAPAN.pdf) [16 Januari 2021].
- Noorlidawati Ab Halim & Rozita Mohd Yusof. 2015. Jaminan Bekalan Makanan di Malaysia: Perspektif Pemain Industri. *Economic and Technology Management Review* Vol.10a:1-10. [http://etmr.mardi.gov.my/Content/ETMR%20Vol.10a%20\(2015\)/Vol10a%20\(1\).pdf](http://etmr.mardi.gov.my/Content/ETMR%20Vol.10a%20(2015)/Vol10a%20(1).pdf) [16 Januari 2021].

- Norzuraida Hasan. 2012. Potensi Pelaksanaan Bank Makanan Di Malaysia Sebagai Satu Bentuk Jaminan Sekuriti Makanan Bagi Golongan Miskin. Disertasi Sarjana, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Universiti Malaya. [http://studentsrepo.um.edu.my/5024/1/POTENSI\\_PELAKSANAAN\\_BANK\\_MAKANAN\\_DI\\_MALAYSIA.pdf](http://studentsrepo.um.edu.my/5024/1/POTENSI_PELAKSANAAN_BANK_MAKANAN_DI_MALAYSIA.pdf) [19 Januari 2021].
- Portal Rasmi Unit Perancang Ekonomi Malaysia. 2021. Sustainable Development Goals. <https://www.epu.gov.my/ms/sustainable-development-goals> [23 Disember 2020].
- Siti Fatimah Zaharah Mohamad Fuzi. 2020. Pastikan makanan selamat, cukup hadapi krisis. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2020/06/703947/pastikan-makanan-selamat-cukup-hadapi-krisis> [29 Januari 2021].
- Sity Daud. 2021. SKSJ2013 Kuliah 8: Matlamat Pembangunan Mapan. Slaid.
- Spring, Charlie. 2020. How Foodbanks Went Global ? *New Internationalist*. <https://newint.org/immersive/2020/11/10/how-foodbanks-went-global> [19 Januari 2021].
- Susunan Aizuddin Sopian. 2016. Realiti kebuluran global. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2016/04/141224/realiti-kebuluran-global> [20 Januari 2021].
- Thin, Lei Win. 2018. France is the world's most food sustainable country. *World Economic Forum*. <https://www.weforum.org/agenda/2018/11/france-is-most-food-sustainable-country-u-s-and-u-k-faltering> [18 Januari 2021].
- Tim. 2019. 1 dari 3 Anak di Dunia Mengalami Malnutrisi. CNN Indonesia. <https://www.cnnindonesia.com/gaya-hidup/20191016084803-255-439883/1-dari-3-anak-di-dunia-mengalami-malnutrisi> [16 Januari 2021].
- Tiseo, Ian. 2019. Per capita food waste of selected countries worldwide 2017. *Statista*. <https://www.statista.com/statistics/933059/per-capita-food-waste-of-selected-countries/> [20 Januari 2021].
- United Nations. 2015. Resolution adopted by the General Assembly on 25 September 2015. [https://www.un.org/ga/search/view\\_doc.asp?symbol=A/RES/70/1&Lang=E](https://www.un.org/ga/search/view_doc.asp?symbol=A/RES/70/1&Lang=E) [25 Disember 2021].
- United Nations Conference of Trade and Development (UNCTAD). t.th. UN list of least developed countries. <https://unctad.org/topic/least-developed-countries/list> [25 Januari 2021].



- United Nations Development Programme (UNDP). 2021. Sustainable Development Goals: Background on the goals.  
<https://www.undp.org/content/undp/en/home/sustainable-development-goals/background/> [28 Desember 2020].
- United Nations International Children's Emergency Fund (UNICEF). 2020. As more go hungry and malnutrition persists, achieving Zero Hunger by 2030 in doubt, UN report warns.  
<https://www.unicef.org/press-releases/more-go-hungry-and-malnutrition-persists-achieving-zero-hunger-2030-doubt-un-report> [30 Januari 2021].
- United Nations. t.th. Goal 2: Zero Hunger.  
<https://www.un.org/sustainabledevelopment/hunger/> [13 Januari 2021].
- Urbanice Malaysia. 2020. Sustainable Development Goals 2030.  
<https://online.fliphtml5.com/ecjeo/zuyb/#p=27> [21 Januari 2021].
- Waal, Alex de. 2018. Mass starvation: tackling the political causes of famine. *Overseas Development Institute (ODI)*.  
<https://www.odi.org/events/4598-mass-starvation-tackling-political-causes-famine> [20 Januari 2021].
- World Hunger. t.th. Africa Hunger And Poverty Facts. [20 Januari 2021].
- Zakirah Othman, Siti Norezam Othman & Kamal Ab Hamid. 2013. Pengurusan Pertanian Lestari di Luar Bandar: Kes Projek Agropolitan di Kawasan Terbiar. *Prosiding PERKEM Vol.3(2)*, hlm. 790-795.  
[https://www.researchgate.net/publication/280918794\\_Pengurusan\\_Pertanian\\_Lestari\\_di\\_Luar\\_Bandar\\_Kes\\_Projek\\_Agropolitan\\_di\\_Kawasan\\_Terbiar](https://www.researchgate.net/publication/280918794_Pengurusan_Pertanian_Lestari_di_Luar_Bandar_Kes_Projek_Agropolitan_di_Kawasan_Terbiar) [30 Januari 2021].